

Bahagian IV  
**PEGAWAI-PEGAWAI, PEJAWAT-PEJAWAT DLL PERBADANAN**

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 13. Perbadanan boleh melantik pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini.  
  
(2) Pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat Perbadanan adalah di bawah kawalan pentadbiran Pengerusi atau seseorang pegawai yang dilantik oleh Pengerusi.  
  
(3) Ahli-ahli, pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai Pegawai Kerajaan menurut makna yang terkandung dalam Kanun Keseksaan.  
  
(4) Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar membuat peraturan-peraturan bagi penubuhan satu Kumpulanwang Simpanan Pencarum-pencarum bagi pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat yang dilantik di bawah Enakmen ini.
13. Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar mengambil kerja dan membayar gaji penasihat-penasihat teknik atau penasihat-penasihat profesional seperti peguamcara, banker, penilai atau pakar perpustakaan bagi menguruskan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa tindakan yang perlu diuruskan atau dilakukan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan Perbadanan atau bagi melaksanakan dengan lebih sempurna maksud-maksud Enakmen ini dan membayar segala bayaran dan perbelanjaan yang dikenakan.
14. Ordinan Perlindungan Pihak berkuasa Awam, 1948 hendaklah dipakai terhadap apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicaraan terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana ahli pegawai, pejawat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa tindakan, kesuaian atau kemungkinan yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Perbadanan atau orang-orang seperti itu di dalam jawatan-jawatan seperti itu.
15. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu ibu pejabat di Ipoh atau pada satu tempat sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Perbadanan dan diluluskan oleh Menteri Besar.  
  
(2) Perbadanan boleh menuahkan pejabat-pejabat lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Perbadanan.